

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED  
SADIQUE [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pengurusan hutang peneroka FELDA telah berjaya dilaksanakan dan apakah kekangan dalam memastikan proses mengutip data yang dijalankan seperti cadangan dalam Kertas Putih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Program Transformasi FELDA (PTF), FELDA telah mempergiatkan kempen dan sesi libat urus ke semua wilayah FELDA untuk menerangkan kepada peneroka mengenai kepentingan membayar hutang. Keberkesanan usaha ini dapat dilihat melalui prestasi kutipan hutang dalam tempoh Januari hingga Jun 2019 yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM36.86 juta atau 32.53 peratus, iaitu daripada RM150.18 juta pada tahun 2019 berbanding RM113.32 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 2018.
2. Walau bagaimanapun, FELDA masih lagi menghadapi beberapa kekangan dalam proses mengutip data hutang peneroka dan untuk menyatukan pelbagai hutang peneroka dalam satu rumusan penyata hutang. Bagi mengatasi kekangan ini, FELDA sedang menambah baik e-Penyata dengan format baharu yang lebih terperinci bagi meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat hutang kepada peneroka. Penyata berkenaan akan diedarkan secara bulanan kepada peneroka.
3. FELDA juga telah mewujudkan *Standard Operating Procedure (SOP)* baharu iaitu Prosedur Penyediaan Penyata Hutang Tanam Semula Peneroka berkuatkuasa mulai Julai 2019 dan sedang menambah baik sistem *Fix Loan Repayment Schedule (FLRS)* bagi memuktamadkan hutang tanam semula peneroka seterusnya membolehkan penghapusan faedah hutang kebun peneroka dapat dilaksanakan.
4. Selain itu, FELDA sedang menambah baik polisi kutipan hutang peneroka melalui kajian semula Dasar Pendapatan Minima Peneroka bertujuan mengimbangi keperluan FELDA mengutip hutang dan dalam masa yang sama tidak menjejaskan pendapatan peneroka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN : 22**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos dan hasil lawatan Perdana Menteri ke luar negara dan beberapa jumlah terkini pelaburan telah berjaya dibawa masuk ke dalam negara.

**JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan terperinci bagi keseluruhan lawatan rasmi ke luar negara yang dibuat oleh Perdana Menteri bagi tempoh mulai Jun 2018 sehingga September 2019 adalah berjumlah **RM20,964,289.24** (melibatkan 30 lawatan). Perbelanjaan ini merangkumi pegawai Kerajaan yang turut serta dalam setiap lawatan Perdana Menteri ke luar negara sepertimana yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.